

UPP:BPO.177/656/8 ( 4 )

Tarikh: 12 Julai 2002



**UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN  
JABATAN PERDANA MENTERI**

---

**ARAHAN PENGURUSAN (KEWANGAN)  
BILANGAN 1 TAHUN 2002**

---

**PENGURUSAN PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT**

Semua Pengarah Pembangunan Persekutuan

Semua Pengarah Pembangunan Negeri

Pengarah BPPB Pulau Pinang

Semua Pengarah Bahagian

**TUJUAN**

1. Arahannya ini bertujuan untuk menjelas dan menyeragamkan pengurusan penggunaan telefon bimbit yang dibekalkan oleh Jabatan kepada pegawai Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).

## **LATAR BELAKANG**

2. Peraturan mengenai penggunaan telefon bimbit adalah seperti Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1994 bertarikh 16 April 1994 bertajuk "*Pemasangan Telefon Pejabat dan Telefon Rasmi Rumah dan Penggunaan Telefon Bimbit (Handphone)*" dan pindaan yang dibuat melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2001 bertarikh Februari 2001 bertajuk "*Pindaan Kepada Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1994 Mengenai Pemasangan Telefon Pejabat dan Telefon Rasmi Rumah dan Penggunaan Telefon Bimbit (Handphone)*".

## **ARAHAN**

3. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan di atas, perkara yang perlu diambil perhatian adalah seperti berikut:

- (i) rekod agihan telefon bimbit yang teratur hendaklah disediakan;
- (ii) bayaran untuk panggilan rasmi yang ditanggung oleh Kerajaan terhadap kepada maksimum sebanyak RM200 sebulan; dan
- (iii) bayaran bagi panggilan tidak rasmi hendaklah dijelaskan sendiri secara tunai oleh pengguna kepada jabatan.


4. Oleh hal yang demikian adalah menjadi tanggungjawab semua Pengarah memastikan bahawa:

- (i) perkara yang dinyatakan di perenggan 3 dipatuhi dan dilaksanakan;
- (ii) bayaran tunai terhadap panggilan tidak rasmi hendaklah diperolehi sepenuhnya dari pengguna; dan
- (iii) resit rasmi menurut AP 60 hendaklah dikeluarkan berikutan dengan pembayaran berkenaan.

#### **KUATKUASA**

5. Arahan ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1994 dan Bil. 3 Tahun 2001.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**( DATUK MD. SANI BIN ADAM )**  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)  
b.p. Ketua Pengarah,  
Unit Penyelarasan Pelaksanaan,  
Jabatan Perdana Menteri.

Edaran Dalaman:

Y. Bhg. Dato' Seri Ketua Pengarah  
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)